

BANK ISLAM BERI AMARAN BERHUBUNG PENIPUAN DI MEDIA SOSIAL

KUALA LUMPUR, Rabu, [18 Jun 2025]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) ingin memaklumkan orang ramai dan para pelanggan supaya lebih berwaspada terhadap SMS, mesej WhatsApp dan hantaran social media palsu yang seolah-olah akaun Al-Awfar dan aplikasi perbankan mudah alih BIMB Mobile.

Bank telah mengesan bahawa terdapat peningkatan dalam cubaan penipuan melalui SMS, aplikasi penghantaran mesej dan laman web tidak rasmi yang menyamar sebagai Bank Islam atau wakilnya. Mesej-mesej mengelirukan ini lazimnya menggesa penerima untuk mengklik pautan mencurigakan atau memuat turun aplikasi tidak sah seperti yang bukan daripada gedung aplikasi rasmi.

Pelanggan dinasihatkan untuk tidak mempercayai, klik atau memberikan maklum balas terhadap cubaan-cubaan ini kerana ia mungkin merupakan satu usaha pancing data (*phishing*) untuk mencuri butiran peribadi dan maklumat perbankan yang sensitif.

Walaupun pengumuman kempen dipromosikan melalui saluran media sosial rasmi Bank Islam, namun segala penyertaan, penghantaran maklumat dan penglibatan bagi kempen Al-Awfar hanya dijalankan melalui platform rasmi Bank Islam. Semua penyertaan Al-Awfar yang sah akan diuruskan sepenuhnya melalui saluran ini sahaja.

Bank Islam sekali lagi menegaskan bahawa semua maklumat rasmi berkaitan kempen, promosi atau produk perbankannya hanya akan dikongsi melalui saluran rasmi berikut:

- Laman web rasmi: www.bankislam.com
- Akaun media sosial rasmi:
 - i. Facebook: Bank Islam Malaysia Berhad
 - ii. Instagram: bankislam
 - iii. X: myBankIslam
 - iv. LinkedIn: Bank Islam Malaysia Berhad
 - v. TikTok: Bank Islam Malaysia Berhad

Bagi memastikan keselamatan terus terpelihara, pelanggan dinasihatkan agar mematuhi langkah berjaga-jaga berikut:

- Berhati-hati dengan pautan yang boleh diklik.
- Hanya muat turun aplikasi BIMB Mobile dan BIMB Biz daripada Google Play, Apple App Store dan Huawei AppGallery.
- Sentiasa log masuk ke akaun perbankan anda melalui platform rasmi Bank Islam:
 - a. Bagi pelanggan individu: Aplikasi perbankan BIMB Mobile atau web.bimb.com untuk perbankan Internet.
 - b. Bagi pelanggan perniagaan: Aplikasi perbankan mudah alih BIMB Biz atau eBanker Pro.

- Sentiasa sahkan imej dan frasa keselamatan sebelum memasukkan kata laluan anda.
- Jangan kongsi maklumat peribadi seperti log masuk atau kata laluan akaun dengan sebarang individu termasuk kakitangan Bank Islam.
- Jika anda mengesyaki terdapat unsur penipuan, aktifkan fungsi Kill Switch yang terdapat dalam aplikasi BIMB Mobile untuk menghentikan akaun serta-merta bagi mengelakkan aktiviti tidak sah yang seterusnya.

Bank Islam sentiasa mengutamakan keselamatan data dan kepentingan pelanggan. Bank tidak akan meminta maklumat peribadi atau sensitif melalui laman web, akaun media sosial, SMS atau mesej Whatsapp bagi sebarang kempen. Segala promosi kempen hanya dijalankan secara eksklusif melalui platform rasmi Bank Islam.

Pelanggan yang ingin membuka akaun Bank Islam atau Al-Awfar secara dalam talian dinasihatkan untuk hanya menggunakan platform Virtual Account Opening (VAO), iaitu satu saluran yang selamat dan diiktiraf Bank. VAO memastikan pengalaman pendaftaran akaun yang lancar dan selamat. Untuk mengakses platform tersebut, pelanggan boleh terus ke laman VAO di <https://vao.bankislam.com.my>.

Pelanggan boleh mendapatkan panduan rapi untuk menetapkan akaun perbankan mudah alih BIMB Mobile yang selamat dengan merujuk pautan <https://bimb.com/set-up-your-account-bimb-account>. Sumber ini menyediakan arahan yang jelas bagi membantu proses pendaftaran akaun yang dilindungi melalui saluran yang sah.

Orang ramai dan pelanggan turut digesa untuk melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan yang melibatkan penyalahgunaan jenama Bank Islam atau aktiviti luar biasa berkaitan akaun mereka kepada Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900 atau e-mel ke contactcenter@bankislam.com.my atau Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (NSRC) di 997 untuk tindakan lanjut.

<Tamat>

Penafian:

Bank Islam tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang timbul akibat interaksi dengan pihak atau platform tidak sah yang menyamar sebagai Bank. Para pelanggan diingatkan agar sentiasa mengesahkan kesahihan sebarang komunikasi yang mendakwa berasal daripada Bank Islam. Makluman ini adalah tepat setakat 18 Jun 2025. Bank Islam berhak untuk mengemas kini notis-notisnya selaras dengan perkembangan semasa berkaitan penipuan.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.